

Oleh Rosyahaida
Abdullah

bisnes@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) menjalin kerjasama dengan syarikat teknologi kewangan, KiplePay Sdn Bhd (KiplePay) bagi penyediaan platform pembayaran elektronik buat warga institusi pengajian tinggi (IPT) dikenali sebagai KipleUNI.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, menerusi usaha sama itu, KipleUNI akan bertindak sebagai e-dompot yang boleh dimanfaatkan warga universiti baik untuk tujuan pembelian persendirian mahupun berkaitan pendidikan dengan pedagang yang mengambil bahagian di dalam dan di sekitar kampus.

Katanya, KipleUNI membolehkan pautan terus kad debit Bank Islam pada aplikasi itu yang secara tidak langsung memudahkan pengurusan kewangan penuntut yang menerima pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui akaun Bank Islam.

"Sejak tahun lalu, KipleUNI sudah mula digunakan



KAY Yen (kiri) bersama Mohd Muazzam (tengah) dan Ahmad Dasuki pada majlis perasmian KipleUNI di Kuala Lumpur, semalam.

e-dompot warga IPT

KipleUNI platform pembayaran elektronik memudahkan penuntut

di Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan anggaran 70 peratus daripada kira-kira 20,000 penuntut sudah pun memuat turun aplikasi ini.

"Selain untuk pembelian makanan dan barangan peribadi lain, KipleUNI juga boleh digunakan untuk pembayaran tertentu membolehkan perpustakaan, malah kakitangan dan pensyarah IPT juga boleh meng-

gunakan KipleUNI mengikut keperluan.

"Kita sedang di peringkat akhir perbincangan dengan tiga lagi universiti awam iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan menjangka persetujuan dicapai pada separuh pertama tahun ini.

"Kami juga sudah menge-

mukakan cadangan mewujudkan platform ini kepada universiti awam lain dan masih menunggu maklum balas mereka selain tidak menolak kerjasama dengan IPT swasta yang berminat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan KipleUNI bersama Ketua Pegawai Eksekutif KiplePay, Tan Kay Yen

dan Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid di sini, semalam.

Jelas beliau lagi, pihaknya melihat potensi untuk memberi manfaat e-dompot itu bukan saja kepada kira-kira 680,000 penuntut universiti awam di lebih 200,000 fakulti seluruh negara, malah lebih daripada itu apabila ciri-ciri pada KipleUNI ditambah kelak.